

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

SBU231 - Demografi dan Perancangan Tenaga Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)**. Setiap soalan mempunyai markah yang sama. Semua pengiraan harus ditunjukkan dengan jelas.

1. a) Berdasarkan data yang diberikan dalam Jadual 1, bandingkan purata umur kahwin pertama wanita (SMAM) ketiga-tiga kaum utama di negara ini. (60 markah)


Jadual 1: Penduduk berumur 15 tahun dan lebih mengikut taraf perkahwinan di Malaysia 2000

Umur	Perempuan Melayu			Perempuan Cina			Perempuan India		
	Jumlah	Bujang	Pernah Kahwin	Jumlah	Bujang	Pernah Kahwin	Jumlah	Bujang	Pernah Kahwin
15 - 19	604,246	584,382	19,864	244,063	239,487	4,576	81,194	77,958	3,236
20 - 24	465,785	314,444	151,341	216,937	179,726	39,211	73,116	51,130	21,986
25 - 29	423,460	99,130	324,330	206,653	91,579	115,074	65,854	20,545	45,309
30 - 34	404,996	40,528	364,468	210,025	38,537	171,488	64,385	9,480	54,887
35 - 39	384,210	24,074	360,136	217,659	23,074	194,585	67,013	6,361	60,652
40 - 44	334,423	15,539	318,884	203,062	17,227	185,835	61,426	4,678	56,748
45 - 49	262,168	9,157	253,011	172,831	12,420	160,411	47,250	3,013	44,237
50 - 54	199,609	5,614	193,995	141,652	8,544	133,108	35,050	1,600	33,450

Sumber: Laporan Banci Penduduk 2000

- b) Bincangkan faktor yang menyumbangkan kepada perbezaan purata umur kahwin pertama tersebut. (40 markah)
2. Gambar Rajah 1 di bawah menghuraikan taburan struktur umur penduduk di Negara Sedang Membangun. Berdasarkan rajah tersebut, bincangkan implikasi taburan umur tersebut terhadap pembangunan ekonomi, terutamanya aspek pendapatan, tabungan dan pelaburan. (100 markah)

Rajah 1: Taburan Struktur Umur Penduduk



3. Bincangkan tren kematian bayi di Malaysia sejak 1957 dan huraikan dengan terperinci faktor yang mempengaruhi tren tersebut. (100 markah)

4. Berdasarkan Jadual 2 di bawah jawab soalan-soalan berikut.

Jadual 2

Umur	Jumlah Wanita S.Malaysia	Jumlah Wanita dan Kelahiran Penduduk Melayu				Jumlah Wanita dan Kelahiran Penduduk Cina			
	Jumlah Wanita	Jumlah Wanita	Jumlah Kelahiran	Kelahiran Lelaki	Kelahiran Perempuan	Jumlah Wanita	Jumlah Kelahiran	Kelahiran Lelaki	Kelahiran Perempuan
15-19	661,410	373,376	14,842	7,664	7,178	213,900	4,892	2,354	2,538
20-24	578,340	324,511	60,906	31,425	29,481	183,837	27,320	14,203	13,117
25-29	474,971	258,500	64,219	32,982	31,237	161,518	35,179	18,088	17,091
30-34	381,796	197,781	41,080	21,122	19,958	141,284	21,385	11,176	10,209
35-39	283,415	150,808	21,628	11,085	10,543	105,756	6,697	3,442	3,255
40-44	269,495	148,083	8,776	4,474	4,302	93,771	1,839	935	904
45-49	206,341	108,831	735	362	373	74,541	199	103	96

Sumber: Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1980

- a) Bandingkan Purata Jumlah Anak (KKJ) seorang wanita Melayu dan seorang wanita Cina di negara ini sepanjang umur subur mereka. (25 markah)
 - b) Tentukan jumlah anak perempuan bagi menggantikan seorang ibu bagi kedua-dua perempuan Melayu dan perempuan Cina sepanjang umur subur masing-masing. (25 markah)
 - c) Tentukan Kadar Kesuburan Umum bagi Penduduk Melayu dan Penduduk Cina di Semenanjung Malaysia pada tahun 1980 (20 markah)
 - d) Dengan menggunakan Jumlah Perempuan Semenanjung Malaysia sebagai penduduk piawai, piawaikan kadar kesuburan umum bagi penduduk Melayu dan penduduk Cina pada tahun 1980. (30 markah)
5. a) Berdasarkan Jadual Hayat lelaki, tentukan nisbah penduduk lelaki berumur 16 tahun yang dijangka akan terus hidup ke umur 56 tahun, jika jumlah penduduk lelaki negara ini pada tahun 2000 berjumlah 11,853,432 orang. (20 markah)
- b) Daripada sejumlah 1,161,800 orang penduduk lelaki yang sekarang berumur 16 tahun, berapakah purata jumlah mereka yang dijangka akan meninggal dunia antara umur 17 dan 56 tahun? (20 markah)

- c) Berdasarkan Jadual Hayat yang diberi, berapakah kanak-kanak daripada sejumlah 1,347,633 orang bayi lelaki dan 1,265,111 orang bayi perempuan yang dilahirkan pada tahun 2000 dijangka akan terus hidup sehingga tahun 2007 bagi membolehkan mereka memasuki tahun pertama persekolahan? Andaikan nisbah guru murid di negara ini adalah 1:40, berapakah jumlah guru diperlukan bagi menampung keperluan pelajar tahun pertama tersebut pada tahun 2007?

(20 markah)

- d) Satu Kependudukan Stabil (Stationary Population) yang disokong oleh 1,000 kelahiran setiap tahun mengalami kadar kematian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Hayat yang diberi:

- i) Jika 20% daripada penduduk berumur 16 – 20 tahun tidak sesuai untuk menyertai pasaran buruh, anggarkan jumlah penduduk yang sesuai untuk menyertai pasaran buruh.

(20 markah)

- ii) Jika 30% daripada penduduk berumur 50 – 56 tahun telah bersara, anggarkan jumlah penduduk yang telah bersara dalam kumpulan tersebut.

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota ringkas kesemua istilah yang diberikan.

- a) Kemandulan Remaja
- b) Pembolehubah Perantaraan
- c) Kelahiran Mati
- d) Kematian Neonatal

(100 markah)